

BULETIN KPKT

VOLUME 2/2013

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



MAJLIS SERAH/TERIMA TUGAS

MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



PEMACU MINDA BARU SINERGI LEBIH EFEKTIF



OPS FAJAR

Muka surat 12

100 HARI MENTERI

Muka surat 21

ISSN 1394-0538



9|771394|053002|

Sidang Redaksi

Penasihat

YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak
Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ketua Editor

Jessylina Mat Lazim
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila Abdul Latif
Pegawai Perhubungan Awam

Noraidah Mohd Noor

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

Sidang Pengarang

Bahagian Kesejahteraan Bandar
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar
Bahagian Inspektorat
Bahagian Kewangan dan Perolehan
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Korporat
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Unit Audit Dalam
Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Jabatan Landskap Negara
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Fotografi

Ahmad Marzuki Othman

Tinta Pena Sidang Redaksi

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

17 Mei 2013 merakamkan sejarah yang bermakna bagi Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana KPKT telah menerima kepimpinan baru bagi memacu dan meneruskan hala tuju KPKT. YB Dato' Abdul Rahman Dahlan telah dilantik sebagai Menteri baru KPKT bagi meneruskan perjuangan Yang Berbahagia Dato' Seri Chor Chee Heung. Kerusi Timbalan Menteri KPKT pula telah disandang oleh YB Datuk Halimah Mohd Sadique.

Perancangan yang kolektif direncana bagi memacu hala tuju yang efektif. Rumah transit bagi pasangan yang baru berkahwin dan golongan gelandangan juga mendapat perhatian YB Menteri bagi meringankan beban kewangan pasangan baru berkahwin dan golongan yang memerlukan. Kerajaan melalui Jabatan Perumahan Negara juga turut menyalurkan sebanyak RM55.9 juta bagi membiayai Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) untuk membaikpulih rumah pangsa berstrata kos rendah awam. Bantuan diberikan secara geran sepadan. Tambahan lagi, Kerajaan juga mewujudkan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP-1M) untuk menyalurkan bantuan kepada penghuni rumah pangsa kos sederhana rendah dan rendah swasta.

YB Menteri, Dato' Abdul Rahman Dahlan menjadi Menteri yang pertama turun padang mengikuti kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam yang dilakukan oleh syarikat konsesi Alam Flora Sdn Bhd (Ops Fajar) dan telah mengadakan lawatan ke operasi stesen pemindahan sisa pepejal di Taman Beringin, Kuala Lumpur sebelum "Ops Fajar" pada 18 Jun 2013.

Bagi meningkatkan tahap rasa selamat di kalangan warga Malaysia, tiga inisiatif untuk tingkat persepsi rasa selamat telah diadakan. Inisiatif pertama, pemutihan kawasan jenayah *blackspot* iaitu kawasan yang gelap, sunyi, kotor dengan sampah, kurang pengawasan, sarang penagihan dadah, kawasan penjualan cakra padat cetak rompak dan perjudian. Inisiatif kedua ialah peningkatan ciri-ciri keselamatan rumah melalui rekaan sekitar (CPTED) untuk mengurangkan jenayah pecah rumah. Inisiatif ketiga pula ialah Audit Keselamatan Tempat Letak Kereta iaitu menilai tahap keselamatan di 50 tempat letak kereta terpilih di Lembah Klang. Seiringan dalam usaha membanteras jenayah, kerajaan juga dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan telah memasang 1,712 unit kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi tumpuan utama jenayah di seluruh negara sehingga bulan Julai.

Bagi memperkasa perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, *One Stop Centre* yang berfungsi bagi memberi khidmat bantuan kecemasan untuk mangsa kebakaran akan dilaksanakan. JBPM akan bertindak dan menyelaraskan permohonan secara proaktif berhubung dengan agensi-agensi Kerajaan berkaitan. OPS Raya bagi tahun 2013 melibatkan sebanyak 267 buah balai bomba dalam operasi rondaan bermula pada 1 hingga 18 Ogos di sebanyak 16 lokasi berisiko.

Sidang redaksi buletin KPKT volume 2/2013 mengharapkan agar usaha-usaha yang telah direncana akan dilaksanakan dengan usaha kolaborasi yang jitu dengan gandingan warga KPKT dan seterusnya sampai kepada maksud dan tujuan ia dirancang. Akhir kata dari meja sidang redaksi, selamat menyambut Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia pada 16 September 2013. Perpaduan yang terbina selama ini dipasakkan ke dalam jiwa dan perlulah dipelihara melalui semangat gagasan 1Malaysia.

Sidang Redaksi

Buletin KPKT Volume 2/2013

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Editor Buletin KPKT amat menghargai sumbangan artikel daripada warga KPKT. Artikel berkenaan hendaklah dikemukakan ke:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kesejahteraan Bandar
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Ara 2, No. 51 Persiaran Perdana,

Presint 4, 62100 Putrajaya

Tel : (603) 8891 5556

Faks : (603) 8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my

Portal : www.kpkt.gov.my

Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov

TRANSFORMASI 2013

Dengan pelantikan YB Dato' Abdul Rahman Dahlan sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Menteri menyatakan tugas yang tergalas dibahunya kini sangat besar dan mencabar memandangkan isu perumahan adalah antara isu utama populasi rakyat Malaysia

PEMBAHARUAN NAMA KEMENTERIAN

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kini dikenali sebagai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Memisahkan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar masing-masing menjadi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (yang menggabungkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

"Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar diselaraskan menjadi Kementerian Wilayah Persekutuan, manakala portfolio kesejahteraan Bandar di bawah kementerian iyu digabungkan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dengan ini fungsi kementerian tersebut mempunyai sinergi agar lebih efektif"

- YAB Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia

Dengan ini, pembeli dijamin penjimatan yang sangat besar memandangkan setiap unit akan dijual dengan harga sehingga RM 40,000 sedangkan harga pasarannya ialah RM 120,000 seunit.

Kementerian juga berusaha menghidupkan projek terbengkalai selain memastikan pembinaan ratusan ribu rumah.

Insentif cukai khas ini termasuk kepada bank yang akan menerima pengecualian cukai terhadap pendapatan daripada faedah yang diterima daripada pemaju projek terbengkalai, pemaju akan menerima potongan berganda terhadap faedah pinjaman, manakala kontraktor dan pembeli rumah asal akan mendapat pengecualian duti setem. Kementerian percaya strategi itu akan menggalakkan pemaju menghidupkan semula projek yang terbengkalai memandangkan pihak bank dijangka akan lebih bersedia untuk menyediakan pinjaman bagi memastikan hasrat itu dapat ditunaikan.

ROMBAKAN KABINET



Kaedah ini dijangka mampu menyelamatkan sekurang-kurangnya 30 projek terbengkalai sekaligus memperjuangkan nasib sehingga 8,000 pembeli rumah.

Perancangan lain KPKT untuk tahun ini termasuk menambah empat (4) lagi taman awam di Kangar, Alor Setar, Sandakan dan Labuan; melaksanakan fasa kedua pemasangan kamera litar tertutup di 25 kawasan PBT; mewujudkan pelan tindakan perubahan tandas awam serta menaiktaraf zon-zon rekreasi keluarga. Satu lagi penambahbaikan oleh KPKT yang dikira amat signifikan dan akan diteruskan tahun ini ialah program *My Beautiful Neighbourhood* (MyBN) di bawah strategi Lautan Biru Nasional Ketujuh atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS). NBOS ialah satu tindakan meningkatkan sistem penyampaian projek atau idea kreatif melalui usaha sepakat antara pelbagai Kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta. Apapun program MyBN antara lain berjaya membaikpulih laman projek rumah pangsa awam, membina semula rumah terbakar, menaiktaraf laman projek kemudahan infrastruktur dan rumah pangsa awam. Ia juga berjaya membaiki dan mengindahkan semula landskap dan tempat awam di 33 lokasi, menganjurkan aktiviti gotong-royong di 36 lokasi dan banyak lagi kempen pembersihan dan kesedaran awam. Lebih penting, MyBN telah berjaya menyuntik semangat sukarelawan di kalangan penduduk terutama belia untuk terlibat dalam menyelesaikan isu kebersihan, penyelenggaraan infrastruktur dalam dan luar bangunan, taman rekreasi, gelanggang sukan dan seumpama.



Sidang redaksi buletin KPKT volume 2/2013 mewakili semua warga KPKT mengucapkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Seri Chor Chee Heung, mantan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di atas segala sumbangan dan jasa kepada KPKT.

Dalam masa yang sama sidang redaksi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan dan Yang Berhormat Datuk Halimah Mohd Sadique di atas pelantikan beliau sebagai Menteri dan Timbalan Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Semoga KPKT terus cemerlang, gemilang dan terbilang.

**Pergi ke Nilai membeli jamu,
Jamu rasa dari tenggara,
Tidak ternilai jasa baktimu
Kepada bangsa juga Negara.**



TOUGH JOB KEEPING URBANITES HAPPY

Urban Wellbeing, Housing and Local Government Minister Dato' Abdul Rahman Dahlan has a lot on his plate trying to ensure the "urban well-being" of people and bring down the price of housing.

This Article was published in The Star (July 28, 2013)

WHAT exactly is "urban well-being" and how do you gauge it?

A: It is evident from the 13th general election that there is a disconnect between urbanites and the Government (federal). Despite us feeling like we have done so much in urban areas, somehow the emotional of the urbanites to the federal government is missing.

There is an emotional disconnect and that is bad. In a nutshell, my ministry is trying to reconnect with the urban folks, listen, empathise with them, understand the real issues, react to their real problems and touch their hearts. Instead of trying to formulate a top-down policy, it is bottom up. We want to ask urbanites "Are you happy?"

It's going to be difficult to gauge the well-being but there are some indices we can work on. We already have an index called murni.net which shows how good the local authorities are in handling issues in their jurisdiction. We are thinking of turning that into a full blown "well-being and happiness" index. We are learning the ropes from Bhutan and the UK.

We want to go down to the ground and ask people about the cost of living, environment, transport, crime, emotional attachment to the local authority, the delivery system, health etc. The list of questions is already there and quite extensive. We just have to roll it out. We will try to get the best sample representing the spectrum which will be our guide to looking at the big picture.

We know main issues like crime, cost of living, urban poverty, and a passion for the environment cut across all urban areas.

What is the goal of "urban well-being"?

We are given this huge responsibility but it cuts across so many other ministries. The traffic jam problem is a source of frustration among urbanites and I have to co-ordinate my work with the Transport Ministry. For crime, I have to co-ordinate with the Home Ministry. As for the problem of homeless people, I have to work with the Welfare Department. Even with housing itself, I have to deal with local and state governments and other agencies which may come under the jurisdiction of other agencies.

At times, it can be really frustrating because in order to get our act together, and be successful and effective, we have to get total co-operation from other ministries. That is where the biggest challenge comes from. So, we are trying to focus first on things that we can do within our jurisdiction without going through the other ministries.

One of the things we are doing is setting up a Residents Representative Committee (JPP) in urban areas which is going to be equivalent to the Village Security and Development Committee (JKKK) that we have in rural areas. That is a major step in understanding the aspiration of the urbanites. Currently, we don't have a formal relationship between a person living in a residential area and the Government, and the only way to communicate is to tell your MP or assemblyman.

But with the JPP, it will have direct access to the local government and they will articulate issues people in the area are facing. There will be a chairman and a secretary in these JPPs and these positions will be paid for by the Government. The Government is prepared to commit a sufficient amount of funds to ensure this project works.

Also, each year the local authorities are given hundreds of millions for small projects. We want to know whether what they are doing is really what is needed by the people.

As an urbanite yourself, are you happy?

Could be better. The traffic jam (in KL/PJ) is crazy. I am not so affected by the cost of living but I do understand the pressure mounting on this. The other thing that frustrates a lot of people is that too many people expect the Government to solve their problem. When it's not practical for the Government to do that, people get very irritated and this gets translated to dissatisfaction and unhappiness. In other developed countries, you are on your own. People don't expect their governments to solve every problem confronting them.

Just take low-cost housing. We are building it at RM100,000 to RM 150,000 per unit and selling it to the people at RM 40,000 which means the government is subsidizing by RM 110,000 for each unit. No other government in the world would do this. But then, when people move in, they don't want to pay the maintenance fee for upkeep, which is why you have sad stories of lifts not working or not properly maintained. People expect the government to solve all their problems. That has to change.

One problem the people expect the Government to solve is the increasing crime rate in the country. People are fearful on the streets, and when you have ministers' houses or their family members being robbed, people say serve you right because now you know how we feel.

The Government doesn't have a magic wand to solve this problem. In urban areas, even if you see a suspicious person moving around in your neighborhood or suspicious car, do you call the police? Most people don't. Everyone is becoming individualistic. People don't even know who their neighbors are anymore. The police can't be everywhere all the time. The first trigger point must be citizens. You see something suspicious, call the police.

As our city becomes bigger and more metropolitan with more people coming in, there will always be the pressure and more crimes committed. Crime is a reality and we have to come to terms with the fact that crime is something that we have to live with.

But things are moving on the ground. The government has got more policemen, more cars and even officers are going around doing rounds. Rela too is on the ground. We have to work harder but I don't think there's a magical solution to this.

But do you acknowledge that over the past 10 years the crime rate has gone up and crimes are getting more violent? And do you worry for your own family members?

Yes, it is true. When you move from a middle income country, there is this tendency. People say foreign workers are the ones committing these crimes but we have to ask ourselves why they are here. It's because we are not paying locals enough to take up these jobs. If you want to reduce crime, everyone has to chip in.

Urbanization is a problem because everyone wants to come to the city to work and live. But if you lose your job and are homeless, you might commit petty crimes like snatch theft. The police have to increase their effort but this alone is not enough.

Yes, I am increasingly worried about the safety of my family. I do check if my house gate is really locked and I have installed alarm systems and so on. The government too has given tackling crime so much priority.

There is a credibility problem. The Government says the crime rate is going down but people don't feel it is. Then you have the police contradicting the Government and saying crime rates have gone up because they had to release those detained under EO once that Act was repealed and that these people are out there committing all these crimes. Which is it? The crime figures too are said to be under-reported because not every victim is lodging a police report because crime has become so rampant.

The police statistics are from reports audited by Pricewaterhouse Coopers and external auditors. As for those not reporting crime. I take that with a pinch of salt because that is what the Opposition keeps saying. They want to blow things out portion and get political mileage and the police are an easy target. I am not suggesting in any way that crime is not happening.

But give the names of those who don't report the crime and where the crime was committed. I want to see if this is overwhelming or just one or two people. If a police station will not take your report, then let me know. The opposition holds forums and writes about crime as if Malaysia is unlivable and completely run over by crime. That's not fair.

Everyone in the Cabinet acknowledges the issue. When it comes to crime, the PM is so passionate about tackling it and spending a lot of money on it. And there is also crime prevention through environmental design. In the past, we always hid our public toilets because it was seen as an eye-sore and we had a huge wall covering it, but not anymore. Now my ministry says you must have it where people are moving about and it must be well-lit with no high walls.

We have also put up blind spot mirrors in alleys so that you can see if people are lurking around. In snatch-theft prone areas, we've erected railings to separate pedestrians from motorcyclist.

On housing, graduates can no longer dream of owning a house because of the high prices, which is so different from 10 years ago. Comment?

There are multiple problems and I don't want to prescribe a blanket policy across the board because when we do that we tend to penalize people who are not affected by this problem.

When the property price goes up, those already owning property are actually very happy because their assets have appreciated. The majority of Malaysians are already house owners and if you are no longer in the vulnerable group, you want your house price to go up.

The first-time buyers are the most vulnerable and we have to balance their needs with that genuine Malaysian house owners who want their assets to appreciate.

The other issue is speculation where people are buying their third or fourth property. Within the ministry, we have some tools we can use. The real property gains tax (RPGT) is a very interesting tool. If you dispose the house within two years, you will be taxed 15% of the profit, there's no stopping us from increasing it to 30%.

Prior to 2008 and the US subprime crisis, the RPGT used to be 30%. The Government reduced it because it was worried that if the housing industry collapsed, it would bring down the economy as there are at least 140 industries directly related to housing and construction. But now the market is red hot and I am personally inclined to raising it. Another tool is financing. Right now banks dish out loans easily for housing. But we can cap financing at 60% if it is to buy a second, third or fourth house. That way, buyers have to come up with the 40% themselves.

To what extent is the high house price due to speculative buying?

Those are people who drive the price to an unreasonable level. A good example is when you want to buy a unit at a condo but it is fully sold out. Then when it's completed, you have a lot of ads saying it's up for sale, which means these people are buying it to sell. But we can't stop people from selling the unit. We can tax but not stop them.

Then there is also the pressure to prevent bloc purchase where a group buys up the whole floor of a condo which is indicative of speculative activities. We may come up with guidelines to stop this kind of bulk purchase where a group buys up the whole floor of a condo which is indicative of speculative activities. We may come up with guidelines to stop this kind of bulk purchase. I keep telling people not to speculate on affordable housing because that is something fundamental and close to people's heart.

Still, poverty speculation is a legitimate business activity and not illegal. Speculation and the price of land have gone crazy here. This is also the testimony of Malaysians. People are better off than before and can afford two to three houses at one go and they shouldn't be penalized for that.

What can be done to bring down prices?

The best way to lower the price of housing is not so much by government intervention but by flooding the market with supply. Then prices will automatically go down. I have spoken to developers and told them they've got to help me lower the price of affordable houses.

There are some fundamentals policies we need to re-look, such as the developers' high holding cost for low-cost housing. We also want to make it attractive for developers to build affordable housing by offering those incentives, rebates, easy access to funds and facilitation grants.

You can't shock the market. Because there's always a risk interfering too much, then you scuttle the growth and nobody is building houses anymore and you end up with bigger problems.

TERANGI DAN TANGANI ISU PENDUDUK BANDAR

(Disunting dari artikel bertajuk Mendekati Isu Penduduk Bandar, terbitan Utusan Malaysia, 12 Julai 2013)

Tanggal 17 Mei 2013 menyaksikan KPKT bertukar peneraju ekor rombakan kabinet yang mana YB Dato' Abdul Rahman Dahlan menggantikan YB Dato' Seri Chor Chee Heung selaku Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dengan kemasukan sektor kesejahteraan bandar sebagai 'ahli keluarga' baharu KPKT, YB Dato' Abdul Rahman menegaskan bahawa KPKT akan berusaha memastikan kesejahteraan hidup benar-benar wujud di bandar-bandar dengan menangani pelbagai isu yang timbul.

Antara tumpuan utama YB Menteri ialah pemulihan projek-projek perumahan yang terbengkalai. Menurut beliau, Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai merupakan salah satu bahagian yang efektif dalam bidang kerjanya. Kata beliau "Nak selamatkan rumah (terbengkalai) bukan senang, berdepan isu tanah, pemaju. Mereka (pegawai di unit berkenaan) menjadi catalyst negotiator."

Mengenai isu kenaikan harga rumah yang paling hangat diperkatakan di dada akhbar dan segenap media atas talian mutakhir ini, YB Dato' Abdul Rahman akur bahawa beliau sendiri tidak mampu mengelak dari menyentuhnya. Beliau mengambil maklum bahawa ramai yang mengeluh tentang kenaikan harga rumah di negara ini. Pada pendapat beliau, majoriti rakyat Malaysia sudah mempunyai rumah dan pemiliknya sendiri sebenarnya senang hati dengan kenaikan harga rumah kerana nilai harta bertambah. Walau bagaimanapun, beliau tetap prihatin terhadap golongan yang pertama kali mahu memiliki rumah dan mereka yang baharu berkahwin. Sehubungan itu, Kementerian akan memperkenalkan beberapa langkah yang akan membantu golongan ini memiliki rumah.

Ditanya komen beliau terhadap cadangan pengecualian bayaran deposit bagi pembelian rumah pertama terutama di kalangan orang muda, YB Dato' Rahman menjawab: "Ini satu masalah sebab tidak ada satu sistem ekonomi yang mampu untuk berbuat demikian (pengecualian bayaran deposit untuk golongan belia). Bank tidak akan bagi kalau anda tidak mempunyai wang pendahuluan."

Rentetan daripada pelbagai isu berkaitan dengan kesejahteraan penduduk di bandar, YB Menteri mencadangkan supaya Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) ditubuhkan yang mana fungsinya adalah seperti Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKK). YB Menteri mendapati masalah penduduk di bandar ialah ketiadaan badan rasmi yang menghubungkan penduduk-penduduk dalam taman atau di kondominium dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Justeru, tidak ada satu struktur komuniti atau badan yang boleh menjaga penduduk. Sehubungan itu, YB Dato' Abdul Rahman mahu JPP ini menjadi pengganti JKK dengan diketuai oleh pengerusi yang akan dibayar elaun oleh Kerajaan dan setiap JPP akan ditubuhkan secara berstruktur. Tujuan penubuhan JPP adalah untuk menjaga kawasan masing-masing. Selain itu, YB Menteri juga mencadangkan agar majlis perwakilan penduduk (MPP) juga diwujudkan.

Beliau berkata, "Pengerusi akan tahu masalah tempat dia, berbincang dengan PBT. PBT akan mengiktiraf mereka sebagai sebahagian struktur Kerajaan. Contohnya, masalah parit, tiang lampu tak bernyala, keselamatan, jenayah. Pengerusi JPP akan lebih peka kepada kawasan yang dijaganya dan itu akan dibawa dalam mesyuarat MPP. Di situ nanti akan ada DOnya, YDP, OCPD, ADUN, Ahli Parlimen.

Beralih ke aspek kerajaan tempatan, YB Menteri memberi penekanan terhadap aspek kebersihan dan keselamatan tandas awam kerana pada pandangan beliau, tandas awam kebiasaannya dibina di tempat yang gelap dan terlindung yang mana keadaan ini mengundang kejadian yang tidak diinginkan seperti ragut dan gangguan seksual. Sehubungan itu, YB Menteri mencadangkan agar pembinaan tandas awam di tempat yang cerah dengan pengudaraan yang baik. Selain tandas awam, beliau juga menyentuh mengenai keselamatan pejalan-pejalan kaki yang menggunakan siar kaki. Justeru, beliau mencadangkan agar rel penghadang dipasang di sepanjang siar kaki bagi mengelakkan kes ragut berulang.

Antara perkara baharu yang sedang digerakkan oleh KPKT ketika ini adalah berkisar peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang dipertingkatkan. Harapan beliau agar JBPM menjadi seperti pasukan bomba di New York yang menjadi idola masyarakat selepas tragedi 11 September.

"Memang dari awal lagi saya minta supaya bomba menjadi wajah kemanusiaan pada kementerian. Kalau dulu contohnya, dia buat kerja dialah dulu tiba kalau ada kemalangan (jalan raya) dan bertarung nyawa. Kemudian, apabila tiba berinteraksi dengan media dan awam, diambil alih oleh polis pula. Ini tidak betul. Kita buat kerja, kitalah kena selesaikannya," kata YB Dato' Abdul Rahman selepas tinjauan beliau ke Ibu Pejabat JBPM di Putrajaya.

Banyak lagi isu bandar disentuh oleh YB Menteri termasuk isu sampah. YB Menteri mahu isu-isu perbandaran ini difahami secara mendalam dan diselesaikan dengan cara yang paling mudah dan secara berdepan tanpa berbelit-belit. Pengakhirannya, beliau merumuskan, "Kita akan hasilkan satu Indeks Kebahagiaan berdasarkan kajian yang dibuat dalam kalangan penduduk bandar. Kita akan buat ranking bandar-bandar mengikut kebahagiaan.



BINA RUMAH CARA IRIS KOTO DIPERLUAS



Penggunaan sitem pembinaan industri Iris Koto akan diperluaskan dalam projek pembinaan rumah murah di seluruh negara jika terbukti dapat mengurangkan kos keseluruhan kira-kira RM 40,000 bagi seunit.

Semasa lawatan ke Kuala Besut pada 13 Julai 2013, Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dato' Abdul Rahman Dahlan memaklumkan bahawa sistem yang dihasilkan melalui kepakaran Jepun ini akan digunakan sebagai permulaan untuk membina rumah mangsa kebakaran di negeri ini.

Hal ini adalah kerana, melalui kiraan secara kasar, kos untuk membina seunit rumah murah ialah RM 150,000 bergantung pada lokasi dan sekiranya

menggunakan Sistem Iris Koto, jumlah kos dapat dikurangkan kepada RM100,000 dan RM120,000. "Sistem Iris Koto ini akan diperkenalkan kerana rangka binaan ringan dan proses pelaksanaan dapat dilakukan dengan cepat kerana menggunakan polisterina yang dicampur dengan simen.

Sistem ini pertama kali dikendalikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat di Kuala Besut dan jika didapati sesuai, ianya akan digunakan untuk program rumah murah di seluruh negara dan penjimatan dapat digunakan untuk membina lebih banyak unit rumah murah,"

Pembinaan rumah milik mangsa kebakaran, Encik Ramli Jusoh yang menggunakan Sistem Iris Koto telah ini mula dibina pada 13 Julai 2013 dan siap pada 23 Julai 2013 yang mana tempoh pembinaannya hanya mengambil masa selama 11 hari sahaja.

YB Menteri juga memaklumkan bahawa Kerajaan menjanjikan pembinaan sebanyak 1 juta unit rumah di seluruh negara dan beliau yakin sasaran 200,000 unit rumah setahun dapat dicapai.

RUMAH TRANSIT MULAI 2014

Berpendapatan bawah RM 3,000 layak mohon

Bagi meringankan beban pasangan muda yang baru berkahwin untuk memiliki kediaman selesa, Kerajaan melalui KPKT akan melaksanakan Projek Perumahan Transit mulai tahun depan.

Bagi tujuan berkenaan, KPKT memperuntukan 10 % daripada jumlah Projek Perumahan Rakyat (PPR) untuk disewakan kepada golongan berkenaan pada kadar RM124 sebulan.

Rumah transit ini akan dibuka untuk permohonan dengan beberapa syarat antaranya pasangan muda yang baharu berkahwin dan memiliki

pendapatan isi rumah di bawah RM 3,000 dan tempoh sewaan adalah selama dua (2) tahun.

Dengan pelaksanaan inisiatif ini, Kementerian berharap ianya dapat meringankan beban kewangan pasangan-pasangan yang baru berkahwin dan membolehkan mereka merancang pembelian rumah dalam lingkungan kemampuan masing-masing.

Sebagai permulaan kepada projek ini, tumpuan pembinaan akan dilaksanakan di bandar besar seperti Kuala Lumpur sebelum diperluaskan ke bandar-bandar lain pada masa akan datang. Justeru, KPKT bercadang untuk mengambil alih PPR San Peng di Kuala Lumpur bagi ditransformasikan menjadi Projek Rumah Transit. KPKT akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengambil alih beberapa PPR yang lain yang telah siap dibina bagi tujuan pelaksanaan konsep baru ini.

RM 55.9 JUTA BAIKPULIH RUMAH PANGSA KOS RENDAH AWAM

Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) merupakan program pembangunan Jabatan Perumahan Negara, KPKT di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). Program ini bertujuan membiayai kerja-kerja baikipulih dan penyenggaraan perumahan kos rendah awam berstrata/berbilang tingkat. Program ini didasarkan kepada geran sepadan 90:10 yang mana 90 peratus daripada kos akan disumbangkan oleh pihak kerajaan dan 10 peratus daripada kos ditanggung oleh pihak pengurusan. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM500 juta untuk pelaksanaan projek ini sepanjang tempoh RMK-10 (2011-2015).

Selain itu, Kerajaan juga mewujudkan Tabung Penyenggaraan 1Malaysia (TP-1Malaysia) bagi menyalurkan bantuan kepada penghuni rumah pangsa kos sederhana rendah dan rendah swasta. Program ini juga mengguna pakai konsep geran sepadan yang menggalakkan pelbagai bentuk kerjasama antara pihak Kerajaan, pengurusan penyelenggaraan di kawasan perumahan, penduduk dan juga syarikat-syarikat korporat. Pada masa kini, kadar geran sepadan telah ditetapkan menjadi 90:10 bagi kos rendah swasta (90% kos penyelenggaraan dibiayai peruntukan TP- 1Malaysia, 10% dibiayai oleh pemohon) dan 70:30 bagi kos sederhana rendah swasta (70% kos penyelenggaraan dibiayai peruntukan TP- 1Malaysia, 30% dibiayai oleh pemohon).

PERUMAHAN



KERAJAAN BINA RUMAH UNTUK GELANDANGAN

Pada 3 Ogos 2013 yang lalu, bersempena dengan Bulan Ramadhan yang penuh barakah, warga kerja KPKT yang diketuai oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Abdul Rahman Dahlan telah turun ke sekitar Jalan Masjid India bagi melihat dan berkongsi kepayahan hidup golongan gelandangan serta mengagihkan sumbangan makanan kepada 400 orang gelandangan.

Hasil daripada lawatan tersebut, KPKT yang mewakili pihak Kerajaan Pusat akan membina rumah kos rendah untuk golongan gelandangan bagi meningkatkan taraf hidup mereka agar tidak tersisih daripada arus pemodenan. Sehubungan itu, KPKT akan membina rumah PPR (Projek Perumahan Rakyat) yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti klinik, suar dan masjid bagi golongan ini.

Selain itu, KPKT juga berpandangan bahawa taraf kehidupan golongan gelandangan boleh diperbaiki dengan mengenalpasti kepakaran yang tersembunyi dalam diri mereka dan memberi mereka peluang untuk menawarkan perkhidmatan kepada masyarakat dan menjana pendapatan golongan ini.

Pengasas Persatuan Perlindungan, Puan Arfidah Abdul Latif menyambut baik saranan dan keprihatinan pihak Kerajaan terhadap golongan gelandangan, sekaligus dapat mengelak mereka daripada terjerumus dalam masalah sosial dan dadah berikutan kesempitan hidup.

KURANGKAN INFESTASI TIKUS TINGKATKAN KESEJAHTERAAN KUALITI HIDUP



YB Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melancarkan Kempen Kawalan Tikus di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Gotong-royong Perdana Peringkat Kebangsaan pada 24 Ogos 2013. Kempen ini dijayakan oleh KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (sebagai peneraju) dan melibatkan 154 PBT di seluruh Malaysia di Dewan Pekan Menggatal, Kota Kinabalu Sabah.

KPKT memandang serius masalah kesihatan awam kepada masyarakat terutamanya disebabkan oleh tikus. Infestasi tikus mewujudkan masalah kesihatan dan pencemaran makanan terutama di bandar-bandar dan menjadi isu hangat. Penyakit yang sering dilaporkan berpunca daripada tikus ialah Leptospirosis (kencing tikus), penyakit hawar (*plague*), *typhus*, *hanta viral*, keracunan makanan dan pelbagai lagi penyakit lain. Sifat semulajadi tikus yang boleh dijangkiti oleh pelbagai jenis parasit dan ejen zoonotik memudahkan penularan penyakit kepada manusia.

KPKT mengambil langkah pro-aktif dengan melancarkan Kempen Kawalan Tikus di Kawasan PBT secara serentak di seluruh negara kecuali negeri Johor. Serentak dengan pelancaran Kempen Kawalan Tikus di kawasan PBT ini juga, diadakan program Gotong-Royong Perdana di kawasan PBT di seluruh negara. PBT akan mengenal pasti kawasan-kawasan infestasi tikus tinggi untuk dijadikan kawasan gotong royong seperti pasar awam, kantin dan dapur asrama sekolah, kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN), dan premis makanan.

Gotong-royong ini melibatkan aktiviti pembersihan kawasan dan sampah-sarap yang merupakan punca tarikan bagi tikus membiak. Aktiviti kawalan tikus pula melibatkan penutupan lubang tikus (*burrow*), semburan asap ke dalam lubang tikus, pemasangan perangkap tikus, aktiviti mengumpan dan meracun tikus. Selain itu, pameran kesihatan dan edaran bahan promosi kesihatan juga akan diadakan.

KPKT menjayakan kempen ini menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Pelbagai kementerian, agensi dan NGO di peringkat kebangsaan, negeri dan juga daerah terlibat dalam kempen ini seperti:

- Kementerian Pelajaran
- Kementerian Wilayah Persekutuan
- Kementerian Belia dan Sukan
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Kementerian Pelancongan
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



Selain itu, agensi lain yang turut terlibat adalah seperti:

- Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
- Pej. Pembangunan Negeri Selangor & P.Pinang
- Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan
- Jabatan Pengairan dan Saliran
- Jabatan Perhutanan
- Jabatan Alam Sekitar
- Jabatan latihan Khidmat Negara
- RELA
- Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
- NGO dan pihak swasta pula adalah terdiri dari :
- 1Malaysia For Youth (1M4U)
- Pest Control Association of Malaysia (PCAM)
- Pesatuan Pegawai Kesihatan Persekitaran Malaysia (EHOM)

Pendekatan secara holistik ini diharap dapat mencapai sasaran :

- Mencetuskan kesedaran masyarakat dalam mencegah penularan penyakit Leptospirosis dan penyakit bawaan tikus yang lain melalui aktiviti kawalan tikus;
- Mengurangkan populasi tikus dalam kawasan setempat dan kawasan sekitarnya; dan
- Meningkatkan penglibatan pelbagai pihak dan agensi termasuk NGO dengan menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

FAKTA DAN ANGKA

Kes Leptospirosis pada 2012 ialah 3665 kes dengan 48 kematian manakala pada 2011 ialah 2268 kes dengan 55 kematian. Peningkatan kes ini menjadi salah satu indikator masalah infestasi tikus yang semakin meruncing.

YB Dato' Abdul Rahman Dahlan dalam menjawab soalan Ahli Yang Berbahagia Datuk Johari Abdul Ghani (Titiwangsa) mengenai kenaikan harga rumah memaklumkan bahawa Kerajaan telah memperkenalkan beberapa usaha dalam menstabilkan harga rumah, iaitu:

- (i) Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);
- (ii) Nisbah Pembiayaan Perumahan (Margin of Finance atau Loan-To-Value); dan
- (iii) Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi mengenakan syarat yang lebih ketat kepada para peminjam bagi menjamin kemampuan peminjam membayar balik pinjaman.

Kerajaan Persekutuan juga mengambil inisiatif mengawal harga rumah dengan menambah bekalan rumah dalam pasaran di kawasan-kawasan strategik di bandar dan pinggir bandar bagi membolehkan rakyat membeli pada harga yang munasabah.

Justeru, dalam usaha Kerajaan menstabilkan harga rumah ini, Kerajaan masih berpegang kepada prinsip pasaran bebas (free market) yang menentukan harga rumah melalui permintaan dan penawaran bagi menggalakkan pertumbuhan industri perumahan di Malaysia. Walau bagaimanapun, bagi memastikan nasib rakyat berpendapatan rendah terbela dan tidak ketinggalan di dalam pemilikan rumah, maka Kerajaan hanya mengawal harga Rumah Kos Rendah (RKR) sahaja iaitu tidak melebihi RM42,000 di Semenanjung Malaysia dan tidak melebihi RM50,400 di Sabah dan Sarawak.

PERUMAHAN

“

Kerajaan Persekutuan juga mengambil inisiatif mengawal harga rumah dengan menambah bekalan rumah dalam pasaran

”

- YB Dato' Abdul Rahman Dahlan

“

Garis panduan ini juga jelas menerangkan bahawa PBT seharusnya mensyaratkan untuk penyediaan ruang bagi Tadika dan TASKA di bangunan atau kompleks semasa permohonan Kebenaran Merancang oleh pemaju

”

- YB Dato' Abdul Rahman Dahlan

Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kota Raja, Hajah Siti Mariah Mahmud, berkaitan cadangan agar Kementerian memperketatkan syarat Kebenaran Merancang supaya semua bangunan dan kompleks menyediakan prasarana untuk pusat jagaan kanak-kanak dan nursery, YB Dato' Abdul Rahman Dahlan menjelaskan bahawa KPKT telah menyediakan Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA yang telahpun dirundingi pada Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) pada 21 Mac 2012. Garis Panduan ini kemudiannya telah dipanjangkan kepada semua Kerajaan Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menerangkan secara terperinci aspek perancangan tapak, reka bentuk bangunan dan juga proses penubuhan Tadika dan TASKA.

Garis panduan ini juga jelas menerangkan bahawa PBT seharusnya mensyaratkan untuk penyediaan ruang bagi Tadika dan TASKA di bangunan atau kompleks semasa permohonan Kebenaran Merancang oleh pemaju. Sehubungan dengannya, Kerajaan Negeri perlulah memainkan peranan dalam memastikan PBT-PBT di negeri masing-masing menggunakan dan melaksanakan garis panduan ini sewajarnya.

“

PBT masih tidak berkemampuan untuk menjana pendapatan yang cukup untuk menampung keperluan sendiri. PBT masih mengharapkan peruntukkan tambahan atau bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri

”

- YB Dato' Abdul Rahman Dahlan



Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor, YDato' Haji Irmohizam Ibrahim mengenai pertambahan rumah urut di Selangor khususnya di Parlimen Kuala Selangor, YB Dato' Abdul Rahman memaklumkan bahawa tanggungjawab untuk memberikan lesen, memantau dan tindakan penguatkuasaan ke atas perniagaan rumah-rumah urut adalah terletak dibawah kuasa PBT, iaitu berdasarkan Undang-Undang Kecil (UUK) Rumah Urut yang diwujudkan di bawah seksyen 102, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta171] yang telah dipersetujui di Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan pada tahun 1987.

Memandangkan Undang-Undang Kecil (UUK) Rumah Urut sudah sekian lama tidak dikaji, maka Kerajaan mengkaji UUK berkenaan bersama dengan UUK Spa. Antara cadangan yang dikenalpasti ialah meningkatkan kadar denda daripada RM 2,000

kepada RM 25,000 kepada mana-mana rumah urut yang melanggar lesen yang telah dikeluarkan. Selain itu, undang-undang kecil akan turut memberi kuasa kepada PBT untuk menutup atau menggeledah premis yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen. Berdasarkan semakan bagi tempoh sehingga 31 Disember 2012, bilangan rumah urut berlesen yang di dikeluarkan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor adalah 10 buah rumah urut berlesen.

“

Undang-undang kecil akan turut memberi kuasa kepada PBT untuk menutup atau menggeledah premis yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen

”

- YB Dato' Abdul Rahman Dahlan

Berkenaan kenyataan Ahli Yang Berhormat Ng Wei Aik (Tanjong) yang menyatakan pilihan raya Kerajaan Tempatan perlu dipulihkan supaya sistem demokrasi dapat diperkasakan, YB Dato' Abdul Rahman Dahlan memaklumkan bahawa KPKT berpandangan adalah lebih baik tumpuan diberikan dalam usaha memantapkan peranan PBT dan memberikan penekanan kepada keperluan rakyat setempat. Ini adalah kerana, PBT masih tidak berkemampuan untuk menjana pendapatan yang cukup untuk menampung keperluan sendiri. PBT masih mengharapkan peruntukkan tambahan atau bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri. Pada masa ini KPKT memperuntukkan lebih RM 1 billion pada tahun 2013, yang mana sebanyak RM 500 juta diagihkan melalui Sumbangan Membantu Kadar dan hampir RM 600 juta melalui Projek Pembangunan untuk PBT. Dalam keadaan ini adalah tidak sesuai untuk mewujudkan lagi satu pilihan raya untuk memilih ahli majlis.

FLORIA 2013

Festival Bunga dan Taman Putrajaya 2013 atau lebih dikenali sebagai FLORIA pada tahun ini berlangsung pada 22 hingga 30 Jun 2013 bertempat di Persisiran Putrajaya, Presint 2 yang mana tema sambutan pada kali ini ialah "Orkid - Khazanah Tropika". Sebagaimana pada tahun-tahun yang lalu, pihak Jabatan Landskap Negara (JLN) masih meneruskan penyertaan dalam pertandingan reka bentuk laman di mana pada penyertaan kali ini JLN mengenengahkan konsep "*Implicit Splendour*".

Implicit Splendour merupakan konsep yang diketengahkan dengan menggabungkan elemen-elemen landskap lembut dan landskap kejur secara berharmoni di samping kesan-kesan visual yang mempengaruhi naluri dan deria seperti melihat, menyentuh, menghidu, merasa dan mendengar. Taman yang bercirikan *introvert* ini, mengarahkan

pandangan pengunjung kepada ruang laluan masuk bagi mencetuskan naluri ingin tahu untuk eksplorasi persekitaran dengan disediakan elemen-elemen kejutan sebagai *focal point* ruang-ruang yang diwujudkan. Bermula daripada *entrance features* dan '*water curtain*' sebagai mengalu-alukan kedatangan, pengunjung akan merasai keindahan persekitaran yang diceriakan dengan elemen-elemen tumbuhan tropika yang melembutkan struktur-struktur binaan taman secara visual.

Aras-aras yang berbeza diwujudkan agar pengunjung dapat merasakan kesinambungan ruang serta menikmati pemandangan yang berlainan di dalam taman ini. Taman yang diilhamkan ini juga digubah agar menjadi sumber inspirasi bagi menghasilkan kesan rangsangan deria bagi penggunaan ruang, susunan tanaman yang tersendiri dan elemen landskap kejur



yang unik. Reka bentuk ini sangat sesuai diaplikasikan di kediaman terutamanya di kawasan perbandaran. Penghasilan taman yang unik dan berfungsi ini diharap dapat memberikan kesedaran, ilham dan inspirasi kepada pengunjung dalam membudayakan kehidupan bertaman bercitarasakan reka bentuk kontemporari yang dicetuskan dengan keindahan tumbuhan tropika tempatan.

Reka bentuk yang diketengahkan adalah taman kontemporari dengan diilhamkan penampilan bunga orkid yang dinamik bagi menghasilkan ruang secara dua dan tiga dimensi. Struktur dan komponen taman ini direka khusus bagi mewujudkan perasaan keterujaan dengan kesan visual khayalan optik yang dapat memberi satu perspektif baru dalam menikmati persekitaran reka bentuk landskap yang terkini. Pendekatan reka bentuk secara *radical* ini adalah untuk mencetuskan satu kelainan bagi evolusi senitaman yang menggunakan pendekatan seni persekitaran (*Environmental Art*) dan sebagai *trend* semasa untuk menghidupkan ruang-ruang luaran secara kreatif serta mempunyai nilai-nilai fungsi dan estetika tersendiri.



PEMBERI PINJAM WANG

Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Lesen dan kawalan) 2003 termaktub pengiklanan bererti sebarang pengumuman tentang pinjaman wang dengan penyiaran di mana-mana akhbar, Jurnal atau majalah atau dalam bentuk risalah atau apa juga bentuk yang dipamerkan kepada orang awam. Amaran mereka yang melanggar peraturan ini boleh dikenakan denda sehingga RM 10,000 atau penjara sehingga 12 bulan atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan. BPWG telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berhubung penamatan pengiklanan secara haram di nombor-nombor telefon.

RASTA 2013



Program Rimba dan Alam Sekitar Tanggungjawab Anda atau RASTA 2013 yang berlangsung selama tiga (3) hari bermula pada 18 hingga 20 Jun 2013 merupakan kelangsungan dalam pengisian program bersempena dengan sambutan Hari Landskap Negara 2013 untuk memperkenalkan warisan dunia yang terdapat di UiTM Perak iaitu pokok Keruing Padi (*Dipterocarpus semivestitus*). Pihak penganjur utama ialah Universiti Teknologi MARA (Perak) dengan kerjasama daripada Jabatan Landskap Negara (JLN), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP). Program ini dilihat sangat sejajar dengan bidang senibina landskap yang turut menitikberatkan pemeliharaan alam sekitar dan keseimbangan ekosistem. Ianya juga dianggap sejajar dengan saranan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersempena hari pelancaran Dasar Landskap Negara pada tahun 2011 yang lalu iaitu mentransformasikan gerak kerja yang lebih berkesan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui penyediaan landskap berkualiti, bersih, sihat serta selamat. Selain itu, melalui program ini juga perjanjian persefahaman yang telah termeterai antara Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan UiTM (Perak) dalam usaha memelihara pokok-pokok spesies terancam yang terdapat di UiTM (Perak), dapat diperkukuhkan dan mengeratkan hubungan antara satu sama lain.

Kecemerlangan usaha pemeliharaan pokok-pokok spesies terancam ini bukanlah terletak pada usaha pihak atasan sahaja tetapi memerlukan usaha menyeluruh daripada seluruh pihak. Oleh itu, Program RASTA 2013 menekankan tentang kepentingan penglibatan seluruh warga UiTM (Perak) dan komuniti keseluruhannya dalam menjayakan usaha murni menjaga khazanah rimba yang terdapat di UiTM (Perak) buat generasi akan datang.

Matlamat

Menjadikan program RASTA2013 sebagai satu program yang akan memperkenalkan khazanah rimba yang terdapat di UiTM (Perak) dan meningkatkan kecintaan dan rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar di kalangan warga UiTM (Perak).

Objektif

- Memberi kesedaran mengenai kepentingan memelihara alam sekitar melalui penerapan, penghayatan dan pengamalan budaya hidup mapan;
- Meningkatkan daya kreativiti dan inovasi melalui pengisian program dianjurkan; dan
- Membina insan yang beretika, berintegriti dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Sepanjang program diadakan pelbagai aktiviti telah diadakan iaitu:

- Acara Menanam Pokok di perkarangan Pusat Islam (PI) dan sekitar UiTM Perak;
- Forum RASTA2013 'Keruing Padi Khazanah Rimba, Warisan Dunia' (DSI);
- Pameran;
- Pertandingan Mewarna;
- Pertandingan Kolaj;
- Pertandingan Fotografi; dan
- Aktiviti Riadah.



Penanaman pokok dimulakan oleh YBhg. Prof. Ir. Dr. Hjh Zainab Mohamed, Rektor UiTM Perak serta Pengurusan Eksekutif dan Dalaman serta diikuti penanaman pokok-pokok yang lain oleh peserta yang terdiri daripada para pelajar dan pensyarah UiTM Perak

LANDSKAP

PROGRAM ROAD SHOW TAKLIMAT DASAR LANDSKAP NEGARA DAN MANUAL PENILAIAN KARAKTER LANDSKAP DI MALAYSIA

Program *road show* ini diadakan ialah bagi meneruskan kelangsungan agenda pihak Jabatan di dalam memberi kefahaman dan pencerahan ke atas kepentingan pelaksanaan Dasar Landskap Negara dan kebaikan pemakaian Penilaian Karakter Landskap. Objektif pelaksanaan program *road show* ini antaranya ialah:

- menyebarkan luas atau hebahan kepada agensi pelaksana khususnya di kalangan pihak pbt berhubung dengan pemakaian serta pelaksanaan Dasar Landskap Negara yang telah di luluskan oleh pihak kerajaan bagi "Menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah Menjelang Tahun 2020";
- meningkatkan kefahaman di kalangan agensi pelaksana ke atas peranan dan tanggungjawab yang perlu dijalankan agar memainkan peranan yang aktif dalam melaksanakan strategi serta pelan-pelan tindakan yang digariskan untuk menjayakan DLN;
- menyebarkan luas atau hebahan kepada pihak PBT berhubung dengan Manual Penilaian Karakter Landskap Di Malaysia; dan
- meningkatkan kefahaman di kalangan pihak PBT ke atas kepentingan dan faedah yang dapat diperolehi sekiranya penilaian karakter landskap (LCA) ini dilaksanakan. Hal ini ialah kerana LCA berfungsi sebagai instrumen yang paling berkesan sebagai alat perancangan dan pengurusan landskap, pembangunan mampan, karakter landskap dan kepelbagaian biologi, karakter landskap dan warisan budaya dan nilai ekonomi tempatan.

Penganjuran program *road show* ini akan diadakan di enam (6) zon iaitu zon tengah (Selangor dan Negeri Sembilan), zon selatan (Melaka dan Johor), zon utara (Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis), zon timur (Kelantan, Terengganu & Pahang), zon Sabah dan yang akhir ialah zon Sarawak. Buat masa kini, program *road show* telah selesai diadakan di dua (2) zon.



INFO TEKNOLOGI INSINERATOR

- Memproses bahan-bahan buangan pepejal dan industri melalui proses pembakaran
- Abu daripada sampah yang telah dibakar akan dikitar semula untuk dijadikan pelbagai produk pengguna
- Dapat menjana tenaga elektrik
- Dapat mengurangkan pemanasan global dan pencemaran alam sekitar
- Telah digunakan di Singapura, Jepun, Taiwan, Cina, Amerika Syarikat dan Korea Selatan.

ALAM SEKITAR

OPS FAJAR

YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menjadi menteri yang pertama turun padang mengikuti kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam yang dilakukan oleh syarikat konsesi Alam Flora Sdn Bhd.

Pada 18 Jun 2013, YB Dato' Abdul Rahman Dahlan bersama-sama Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Datuk Seri Arpah Abdul Razak dan Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya telah menyertai operasi yang dinamakan "Ops Fajar" seawal jam 6.00 pagi. Bermula dengan mengikuti sesi *roll-call* bersama bahagian operasi Alam Flora Sdn Bhd di Laman TAR, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan seterusnya mengikuti kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di sepanjang Jalan Alor, Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Selain pihak pengurusan KPKT, operasi tersebut turut disertai oleh pihak pengurusan Alam Flora Sdn Bhd dan juga media.

YB Menteri turut meluangkan masa meninjau operasi stesen pemindahan sisa pepejal di Taman Beringin, Kuala Lumpur sebelum "Ops Fajar" pada 18 Jun 2013.



LARIAN KITAR SEMULA 2013

Larian Kitar Semula 2013 telah dilaksanakan secara serentak pada 15 Jun 2013 di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Selangor, Perak dan Pulau Pinang.

Jumlah penyertaan peserta pada tahun ini adalah sangat menggalakkan iaitu seramai 38,000 orang di seluruh Semenanjung Malaysia. Pendaftaran peserta larian adalah percuma dan syarat penyertaan hanya perlu membawa barang kitar semula. Program ini terbuka kepada semua peringkat umur dan hanya melibatkan kategori *Fun Run* sejauh 3.5 km sahaja berikutan tiada pertandingan dijalankan.

Lokasi program di setiap negeri adalah seperti yang berikut :

- Wilayah Persekutuan - Padang Merbok, Kuala Lumpur
- Johor - Dataran Johor Bahru
- Kelantan - Perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke-4
- Pahang - Pusat Rekreasi Taman Bandar, Kuantan
- Perlis - Perkarangan Stadium Utama Kangar
- Kedah - Perkarangan Stadium Darul Aman
- Melaka - Melaka International Trade Centre (MITC)
- Negeri Sembilan - Centre Court, Kompleks Sukan Negeri, Paroi
- Terengganu - Pantai Batu Buruk

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu YB Dato' Abd Rahman Dahlan telah merasmikan Program Larian Kitar Semula 2013 bagi lokasi utama larian di Padang Merbok, Kuala Lumpur. Program ini turut menganjurkan acara cabutan hadiah bertuah kepada peserta dan



menawarkan hadiah utama berupa Sijil Simpanan Premium bernilai RM 5,000 di semua sembilan (9) lokasi yang lain. Di samping itu, pelbagai barangan elektrik turut disediakan dan 10 cabutan yang pertama menerima hadiah iringan iaitu satu set *Bakul Compost Chang* yang merupakan satu kaedah mengitar semula sisa makanan untuk dijadikan bahan kompos bagi menyuburkan tanah.

Perbadanan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam memastikan Program Larian Kitar Semula 2013 berjalan dengan lancar dan jayanya. "Amalkan Kitar Semula, Selamatkan Bumi Kita".





KAYUHAN HARI ALAM SEKITAR

Warga Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyertai kayuhan santai sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2013 bagi meningkatkan kesedaran terhadap mengurangkan penajanaan sisa makanan di Pinggir Tasik Putrajaya Presint 4, Putrajaya – 5 Jun 2013



ALAM SEKITAR



45 PERATUS DARIPADA 29,000 TAN SISA PEPEJAL DIHASILKAN DALAM SEHARI

Jabatan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) mendapati sisa makanan membentuk 45 peratus daripada keseluruhan 29,000 tan sisa pepejal yang dihasilkan dalam masa sehari di negara ini.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique berkata, jumlah itu merupakan hasil kajian sepanjang tempoh lima bulan pertama tahun ini.

Beliau menambah, bagi peringkat global, Pertubuhan Pertanian dan Makanan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) menganggarkan sebanyak 1.3 billion tan sisa makanan dihasilkan setiap tahun, bersamaan jumlah pengeluaran makanan Sub-Sahara Afrika.

"Malah, dalam masa sama seorang daripada tujuh manusia tidur dalam keadaan lapar. Lebih 20,000 kanak-kanak di bawah umur lima tahun diseluruh dunia mati akibat kelaparan setiap hari.

"Statistik yang menggerunkan ini sewajarnya menyedarkan kita tentang nilai makanan dari segi sosial dan ekonomi," katanya. Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melepaskan peserta kayuhan santai Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2013.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha KPKT Datuk Seri Arpah Abdul Razak. Halimah berkata, pihaknya akan memberi lebih penekanan kepada usaha mengurangkan makanan daripada terus dibuang sebagai sisa pepejal.

"Bagi mengurangkan kesan sisa pepejal berasaskan sisa makanan ini, Kementerian menerusi jabatan dan agensi di bawahnya akan mengambil langkah mendidik orang ramai agar tidak membuang sisa makanan di merata tempat dan membuat pelupusan secara sistematik.

"Masyarakat perlu dididik supaya tidak mengamalkan budaya membazir, beli yang perlu sahaja, masak secukupnya dan habiskan semua makanan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sambutan Hari Alam Sekitar tahun ini yang bertemakan *Think. Eat. Save* bertepatan dengan fungsi Kementerian yang komited dalam usaha mengurangkan penajanaan sisa makanan.

Tambahnya, usaha tersebut menjadi salah satu parameter penting dalam pengurusan sisa pepejal yang dihasilkan rakyat negara ini. Jika terbukti dapat kurangkan kos keseluruhan kira-kira RM 40,000 bagi seunit.



BANDAR SELAMAT



PENINGKATAN PERSEPSI RASA SELAMAT SASARAN BARU NKRA GTP 2.0

Penurunan keseluruhan jenayah indeks yang dilaporkan di dalam GTP 1.0 (2010-2012) sebanyak 26.8% dan jenayah jalanan (ragut, koma, samun berkawan tanpa senjata api dan tanpa senjata api) berkurangan sebanyak 40.8% adalah kejayaan yang membanggakan. Ini telah membuktikan inisiatif seperti program Omnipresence di bawah Polis Diraja Malaysia dan Program Bandar Selamat di bawah KPKT adalah berkesan. Perkara ini telah dimaklumkan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato'Abdul Rahman Dahlan sewaktu mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Bandar Selamat ke-7 di Bangunan Parlimen pada 25 Jun 2013

Sehungan itu, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semanjung Malaysia (JPBD) sebagai agensi penyelaras bagi program ini dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tiga (3) daripada 35 inisiatif GTP 2.0 (2013-2015). 3 inisiatif tersebut adalah Inisiatif Pemutihan "Blackspot" (kawasan yang gelap dan sunyi, kotor dengan sampah sarap, kurang pengawasan

semula jadi, sarang penagihan dadah, kawasan penjualan CD haram dan perjudian) yang merupakan iconic GTP 2.0 NKRA Jenayah untuk mengurangkan perasaan takut menjadi mangsa jenayah (fear of becoming victim of crime).

Sasaran penurunan 50% kadar persepsi tidak selamat selepas pelaksanaan mengurangkan perasaan takut menjadi mangsa jenayah diharap dapat dicapai melalui perkongsian pintar antara pihak kerajaan dan juga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Pendekatan pemutihan melalui rondaan bersepadu yang kerap serta penglibatan komuniti di 20 buah kawasan blackspot dari 17 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah dikenal pasti untuk tahun 2013 telah dijalankan sejak awal tahun lagi.

Inisiatif kedua adalah melalui peningkatan ciri-ciri keselamatan rumah melalui Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED) untuk mengurangkan indeks jenayah pecah rumah. Tindakan pemulihan keselamatan di kawasan panas jenayah sedia ada, reka bentuk bandar

selamat telah dikuatkuasakan melalui unit pusat setempat (OSC). Amalan membudayakan pemakaian reka bentuk bandar selamat untuk mencegah jenayah oleh pemaju hartanah dan agensi kerajaan dalam pelan susun atur pembangunan baru atau pembaharuan kawasan usang di setiap PBT merupakan salah satu daripada usaha dalam memerangi jenayah di kawasan perumahan.

Inisiatif ketiga yang dipertanggungjawabkan di bawah GTP 2.0 adalah Audit Keselamatan Tempat Letak Kereta (Car Park Safety Audit-CPSA). Sebanyak 50 buah tempat letak kereta terpilih di Lembah Kelang telah diadakan. Hasil dari pengauditan 20 buah tempat letak kereta telah memenuhi sekurang-kurangnya 70% (good) daripada enam (6) kriteria yang telah ditetapkan. 24 buah tempat letak kenderaan telah memenuhi 60% (Average) dan enam (6) tempat letak kenderaan di bawah 40% (below expectations). Price Water House Coopers telah dilantik sebagai perunding bagi CPSA bersama-sama dengan Kementerian Dalam Negeri dan juga KPKT.

YB Dato'Abdul Rahman Dahlan dalam ulasan penutupnya berharap agar semua pihak terutamanya Kerajaan Negeri dan PBT akan terus memberikan komitmen dan kerjasama bagi memastikan semua sasaran dapat di capai dan pengurangan kadar jenayah dapat diturunkan lagi bagi memastikan rakyat dapat menikmati kehidupan yang selesa dan selamat.



CCTV BANTU KURANGKAN 27 PERATUS JENAYAH JALANAN

Menerusi GTP fasa pertama, Kerajaan memasang 496 CCTV di Kawasan panas yang merangkumi 25 pihak Berkuasa tempatan (PBT) di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor. Daripada 496 CCTV yang dipasang, sebanyak 141 unit telah dipasang dipersimpangan jalan berhampiran lampu isyarat di kawasan panas.

Pelaksanaan program yang melibatkan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan KPKT telah menunjukkan perkembangan positif dalam mengurangkan jenayah di kawasan-kawasan panas.





Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Abdul Rahman Dahlan telah mengadakan beberapa siri lawatan turun padang ke Kuala Besut, Terengganu pada bulan Julai 2013. Tujuan lawatan ini adalah untuk meninjau masalah rakyat tempatan dan menyampaikan sumbangan kepada mereka. Berikut merupakan ringkasan aktiviti YB Menteri semasa lawatan beliau di Kuala Besut.

13 Julai 2013

YB Menteri mengiringi YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam Majlis Perasmian dan Pecah Tanah Pangsapuri Mampu Milik di Kampung Tok Saboh, Kuala Besut, Terengganu.

17 Julai 2013

Meninjau perkhidmatan kemasyarakatan dan penyampaian sumbangan geran kepada Pasukan Bomba Sukarela di Pulau Perhentian.

Merasmikan Pembinaan Pusat Komuniti dan Dewan Orang Ramai di Pulau Perhentian pada suku tahun ke-2 tahun ini melalui Geran Tahunan dan Sumbangan Membantu Kadar yang telah diberikan pada awal tahun. Pembinaan kemudahan ini adalah di bawah kelolaan Majlis Daerah Besut (MDB) melalui peruntukkan yang telah disalurkan kepada MDB sebanyak RM5.86 juta pada awal tahun 2013.

Meninjau pembinaan semula rumah yang terbakar milik Encik Ramli Jusoh di Kampung Pok Kolok, Kuala Besut yang hangus dalam kebakaran pada 18 Mei 2013. Pembinaan semula rumah dilakukan oleh Anggota Bomba dalam tempoh 11 hari bermula pada 13 Julai 2013 dan siap pada 23 Julai 2013. Ianya dibina secara pasang siap dengan menggunakan teknologi dari Jepun yang dikenali sebagai Sistem Iris Koto dengan kos RM37,000.00.

Menagihikkan bubur lambuk kepada pengunjung di Pasar Malam Kuala Besut.

Berbuka puasa bersama penduduk setempat dan menyampaikan bantuan dan duit raya kepada anak-anak yatim bertempat di Masjid Kuala Besut, Terengganu.

24 Julai 2013

Mengiringi Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said Majlis dalam Majlis Penyerahan Kunci Rumah Baru kepada Encik Ramli Jusoh.



LAWATAN



LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KE PPR LADANG SILIAU, PORT DICKSON DAN PPR BATU BERENDAM, SUNGAI PUTAT, MELAKA

YB Datuk Halimah Mohd Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuat lawatan kerja ke PPR Ladang Siliau dan PPR Batu Berendam pada 13 Jun 2013.

Tujuan lawatan YB Timbalan Menteri ke PPR tersebut adalah untuk melihat sendiri perkembangan status semasa kemajuan projek. Pada sesi lawatan tersebut YBhg. Datuk Mohamad Yusoff bin Ghazali, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JPN turut serta mengiringi ke sesi lawatan tersebut.

HUBUNGAN KPKT BERSAMA REHDA, SHARED A SHEDA KEKAL ERAT

YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Dato' Abdul Rahman Dahlan telah mengadakan satu sesi perjumpaan khas bersama Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia (REHDA), Persatuan Pemaju Perumahan Dan Hartanah Sabah (SHARED A) serta Pemaju Perumahan Dan Hartanah Sarawak (SHEDA) pada 24 Jun 2013.

Pihak REHDA diketuai oleh Presiden REHDA iaitu YBhg. Datuk Seri Michael Yam Kong Choy. Bagi pihak SHARED A pula diketuai oleh YBrs. Tuan Francis Goh Fah Shun, Presiden SHARED A. Manakala bagi SHEDA pula diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Zaidi Ahmad, Presiden SHEDA.

Tujuan sesi perjumpaan tersebut adalah untuk mencari kata sepakat dalam beberapa perkara yang berkaitan dengan isu perumahan. Pada sesi perjumpaan tersebut turut dihadiri YBhg. Datuk Arpah bin Abdul Razak, Ketua Setiausaha, KPKT; YBhg. Dato' Dr. Mohd Padzil bin Hashim, Ketua Pengarah JPN; Datuk Mohamad Yusoff bin Ghazali, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JPN serta YBrs. Tuan Kang Ban Aik Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JPN.



KETUA SETIAUSAHA KPKT TURUN PADANG KE PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI TAMAN MALIM MAS DAN PPR KAMPUNG HASSAN, HULU SELANGOR

Pada 27 Jun 2013, YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan lawatan kerja ke tapak projek perumahan terbengkalai Taman Malim Mas dan PPR Kg. Hassan.

Tujuan lawatan diadakan adalah untuk melihat perkembangan kemajuan semasa di tapak projek bagi kedua-dua projek perumahan tersebut. Ini kerana Taman Malim Mas dijangka siap pada akhir bulan Ogos 2013. Manakala bagi PPR Kg. Hassan pula akhir bulan Julai 2013. Sesi lawatan kerja tersebut turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Mohamad Yusoff bin Ghazali, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JPN serta YBrs. Tuan Kang Ban Aik

PROPERTY

Question: Isn't a little property speculation healthy for the market?

Answer: It's debatable depending on who you are asking. Developers, real estate agents, valuers, bankers, property portals, property consultants, flippers and all those who benefit from more property transactions will in all probability say yes while low or medium income people looking for first home for own stay may think it's not. The Government also benefits from collecting more stamps duty and real property gains tax, so in the final analysis, a little speculation especially on higher end properties that do not affect affordable housing may have its benefit for the economy on the whole.

LAWATAN TURUN PADANG



BALAI PENYELIDIKAN BOMBA PUSPEK 9 MEI 2013



TAMAN SRI KENDUR JASIN MELAKA 9 MEI 2013



PPR MELANA JOHOR 22 JULAI 2013



DELEGASI YEMEN 2 JULAI 2013



DELEGASI THAILAND 3 JULAI 2013

AKTIVITI

AMANAT YB MENTERI DAN MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2012

KPKT memberi pengiktirafan kepada warga-warganya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang pada tahun 2012 melalui Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 pada 18 Jun 2013 bertempat di Puspanita Puri Putrajaya.

Majlis ini turut diadakan untuk menghargai dan mengenang jasa serta sumbangan yang telah diberikan oleh warga Kementerian yang telah dan akan bersara. Pihak Kementerian merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas perkhidmatan serta sumbangan yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan mereka.

Semoga dengan pemberian anugerah ini, penerima APC akan terus kekal komited serta memberikan mutu perkhidmatan yang lebih baik dan cemerlang. Diharapkan penganugerahan ini akan menyemarakkan semangat semua warga Kementerian untuk bekerja dengan lebih gigih bagi

meningkatkan kecekapan tadbir urus yang baik (*good governance*) berdasarkan prinsip yang telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri iaitu CTI – “Cepat, Tepat dan Integriti” serta PCI – “Productivity, Creativity and Inovation”.

KPKT merupakan *frontliner* dalam pelaksanaan dasar, mengamalkan dan membentuk budaya kerja organisasi yang mengutamakan prestasi cemerlang, tingkah laku dan etika kerja yang berintegriti serta bermoral tinggi. Ini penting bagi memastikan setiap anggota organisasi akan memberikan mutu kerja yang terbaik.

Dalam organisasi yang mengamalkan budaya kerja berorientasikan prestasi, setiap penjawat KPKT terikat untuk menyumbang prestasi kerja yang amat cemerlang. Budaya kerja sedemikian menghargai individu yang cemerlang dan sumbangan berpasukan. Ia juga menghargai sumbangan warga KPKT ke atas semua kejayaan dan tidak menganggap hanya pengurus bertanggungjawab bagi kejayaan tersebut.

Perjumpaan ini telah menjelaskan agenda penting yang perlu dilaksanakan, peranan dan tanggungjawab yang wajar dipikul oleh setiap Jabatan/Agensi serta menyemai budaya kerja



cemerlang dan semangat untuk menyempurnakan agenda transformasi dan pembangunan Negara di kalangan warga Kementerian ini.

PERHIMPUNAN HARI PEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN 22 JUN 2013 DI STADIUM PUTRA BUKIT JALIL – PEKERJA PEMANGKIN TRANSFORMASI NEGARA





YB MENTERI KUPAS 5 FAKTOR PENTING BENTUK KECEKAPAN ORGANISASI

Dalam majlis pada petang 25 Julai 2013, YBM menyentuh lima (5) faktor penting yang menyumbang kepada kecekapan sesebuah organisasi yang perlu diberi perhatian oleh seluruh warga kerja KPKT.

Pertama - Peka kepada kehendak dan keperluan pelanggan

Tujuan utama sesebuah organisasi diwujudkan adalah untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan. Tanpa pelanggan sesebuah organisasi tidak perlu wujud. Antara pelanggan utama KPKT adalah warga bandar, pembeli rumah, pemaju perumahan dan PBT. Perkhidmatan yang KPKT berikan mestilah dapat memberi kepuasan kepada pelanggan. Oleh itu, KPKT perlu sentiasa peka kepada kehendak dan keperluan pelanggan agar terus relevan dengan senario semasa. Budaya turun padang wajar menjadi amalan di KPKT bagi mendapat gambaran sebenar isu yang dihadapi oleh pelanggan. Setiap aduan perlu diberi jawapan dan diselesaikan dengan segera.

Kedua - Berpegang teguh kepada nilai-nilai murni

Nilai-nilai murni khususnya amanah dan berintegriti tinggi perlu menjadi pegangan teguh seluruh warga KPKT. Tempoh masa bekerja di pejabat perlu digunakan sebaik mungkin untuk memberi sumbangan kepada negara dan rakyat. Selaras dengan gagasan 1Malaysia – Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, setiap program dan inisiatif perlu memberi faedah kepada rakyat melalui penggunaan sumber secara cekap dan berhemat.

Ketiga – Berkualiti, berilmu dan kompeten

Peranan dan fungsi KPKT sememangnya cukup besar yang meliputi pelbagai bidang seperti perumahan, perancangan, PBT, pengurusan sisa pepejal, landskap dan kebombaian. Sesuatu dasar, program dan inisiatif akan dapat dilaksanakan dengan berkesan jika disediakan secara terperinci berdasarkan pemahaman yang jelas ke atas senario semasa. Kepincangan sesuatu dasar, program dan inisiatif lazimnya berpunca daripada kegagalan untuk memahami senario semasa dan memperoleh perspektif yang menyeluruh serta menganalisis dengan mendalam sesuatu isu yang dihadapi. Oleh itu, setiap warga kerja KPKT perlu sentiasa meningkatkan ilmu dan pengetahuan dalam bidang masing-masing serta mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi. Hasilkanlah kerja yang berkualiti dan bukannya asalkan siap, umpama melepaskan batuk di tangga.

Keempat - Kerja berpasukan

Dalam melaksanakan sebarang tugas yang diamanahkan, seluruh warga kerja KPKT perlu sama-sama berganding bahu memberi sumbangan. Setiap Jabatan dan Bahagian di KPKT perlu meningkatkan penyelarasan dan kerjasama serta tidak bekerja secara *in silos*. Sikap tidak kisah mengenai apa yang Jabatan atau Bahagian lain buat perlu dielakkan. Ia penting kerana KPKT telah menetapkan visi, misi dan matlamat yang dikongsi bersama oleh semua Jabatan dan Bahagian di KPKT. Kita juga patut sama-



sama merasa bangga jika Jabatan dan Bahagian di KPKT mendapat pengiktirafan serta mencapai kejayaan.

Kelima - Sesi rundingan bersama semua pihak berkepentingan

Warga kerja KPKT perlu sentiasa mengadakan sesi rundingan ataupun engagement bersama pihak-pihak yang berkepentingan termasuk juga pihak NGO dan pelanggan bagi mendapatkan maklum balas dan cadangan agar sesuatu dasar, program dan inisiatif dapat ditambah baik serta mencapai matlamat pelaksanaannya. Sesi rundingan ini juga boleh dijadikan sebagai forum kepada KPKT untuk memberi penerangan lanjut ataupun menjelaskan hala tuju KPKT dalam menangani sesuatu isu yang berkaitan dengan kepentingan bersama.

30 Ketua Isi Rumah Terima Bantuan Sewa Rumah

Dalam majlis ini juga, seramai 30 Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar dengan eKasih telah menerima bantuan sewa rumah di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Bantuan ini bertujuan untuk membantu mengurangkan beban tanggungan keluarga dalam mendapatkan tempat kediaman yang lebih selesa dan selamat untuk didiami.

MAJLIS PERJUMPAAN PENJAWAT AWAM KPKT DENGAN PRESIDEN CUEPACS PADA 15 MEI 2013



RAMADHAN DISYUKURI, SYAWAL DIRAI

Bersempena dengan bulan Ramadhan al-Mubarak dan Syawal, KPKT telah menyusun beberapa aktiviti untuk semua warga kerjanya. Pada 12 Julai 2013, Badan Kebajikan dan Sukan KPKT (KESKEP) telah mengagihkan lebih daripada 600 bekas kurma kepada warga KPKT. Pengagihan telah disempurnakan oleh YB Menteri, Dato' Abdul Rahman Dahlan dan YBhg. Ketua Setiausaha, Datuk Seri Arpah Abdul Razak. Pihak KESKEP juga telah mengadakan Program Bubur Lambuk Ramadhan pada 1 Ogos 2013. Ahli-ahli KESKEP mengadakan gotong-royong menyediakan bubur lambuk yang juga turut disertai oleh YB Menteri. YB Menteri juga dengan berbesar hati mengagihkan bubur lambuk kepada warga KPKT.

KPKT telah mengadakan Majlis Sambutan Aidilfitri KPKT di Dataran Gemilang, Putrajaya pada 27 Ogos 2013. YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah sudi hadir meraikan majlis bersama-sama dengan warga KPKT. Turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan, YB Encik Khairy Jamaluddin Abu Bakar; Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Low Seng Kuan. Dalam majlis ini, pelbagai aktiviti diadakan antaranya penyampaian duit raya dan hamper kepada anak-anak yatim dari Rumah Siraman Kasih, Puchong; persembahan pentas oleh artis-artis jemputan dari Kombo Bomba; dan pertandingan gerai terbaik. Majlis mendapat sambutan yang baik dan berjalan dengan lancar. Dianggarkan lebih daripada 1000 orang jemputan telah hadir memeriahkan majlis.



WARGA KPKT RAI 100 HARI DATO' ABDUL RAHMAN BERGELAR MENTERI

Tanggal 23 Ogos 2013, genaplah YB Dato' Abdul Rahman Dahlan menjawat jawatan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sehubungan itu, warga kerja KPKT yang diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), Yang Berusaha Tuan Yong Bun Fou telah meraikan beliau dalam satu majlis yang serba ringkas di Lobi KPKT.

Dalam majlis tersebut, Tuan Yong telah menyampaikan album "100 Hari Bersama Rakyat Malaysia" kepada YB Menteri dan kemudiannya YB Menteri menyampaikan ucapan ringkas. Kemudian semua yang hadir dijemput menikmati jamuan ringan yang disediakan.

Dalam ucapan beliau, YB Dato' menyifatkan tempoh sepanjang 100 hari mengetuai KPKT sebagai sesuatu yang mencabar lebih-lebih lagi memegang portfolio yang sering menjadi perhatian umum. Namun, menurut beliau, semua cabaran itu dapat diatasi dengan baik dengan bantuan warga KPKT dan berjanji akan meningkatkan kemampuan dan potensi dari semasa ke semasa.

Beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada Ketua Setiausaha Kementerian, Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha, pegawai-pegawai tertinggi dan warga kementerian seluruhnya kerana telah bersama-sama dengan beliau dalam menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.





DYMM RAJA PERLIS RASMI IBU PEJABAT JBPM NEGERI PERLIS

Majlis Perasmian Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Perlis telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku Syed Sirajuddin Ibni AlmarhumTuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis pada 21 Mei 2013.

Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah Almarhum Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis; Duli Yang Teramat MuliaTuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail; Raja Muda Perlis serta Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil; Raja Puan Muda Perlis. Turut hadir YAB Tuan Azlan Man, Menteri Besar Perlis; YB Dato' Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YB Datuk Halimah Mohd Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBhg. Datuk

Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT, YAS Dato' Wan Mohd Nor Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Penolong-Penolong Ketua Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, pemimpin masyarakat dan orang ramai.

Majlis dimulakan dengan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis diberikan penghormatan DiRaja oleh kawalan kehormatan yang diketuai oleh PgKB II Mohd Hafiz Timaradin. Seterusnya baginda menyempurnakan titah perasmian, pelancaran gimik serta menandatangani plak perasmian. Pertunjukkan kebombaan yang dipersembahkan pada pagi tersebut adalah mengenai Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalan Raya (RTA) dan Operasi Pemadaman Kebakaran Hutan menggunakan kaedah "Water Bombing" dan "Medivac" oleh Unit Udara JBPM.



Majlis diteruskan dengan persembahan cenderamata kepada Duli Yang Maha MuliaTuanku Raja Perlis, Duli Yang Maha MuliaTuanku Raja Perempuan Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis.

Sesi bergambar Pengurusan Tertinggi JBPM dan pegawai kanan JBPM Negeri Perlis bersama dengan DYMM Tuanku Raja Perlis, DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis, DYT Raja Muda Perlis dan DYT Raja Perempuan Muda Perlis turut diadakan.

Majlis diakhiri dengan lawatan ke Pameran DiRaja dan Majlis Santapan Tengahari. Pasukan Kombo Bomba Malaysia telah mengiringi persembahaan kebudayaan disepanjang majlis itu diadakan.



OPS RAYA DAN KEMPEN ANTI LITTER SEMPERA MUSIM PERAYAAN

YB Dato' Abdul Rahman Dahlan telah melancarkan program Ops Raya dan Kempen Anti Litter semperna musim perayaan 2013 di Plaza Tol Sungai Besi pada 18 Julai 2013. Program yang julung kali diadakan ini merupakan kerjasama secara bersepadu antara KPKT, JBPM dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)

Ops Raya 2013 yang melibatkan sebanyak 267 buah balai bomba dalam operasi rondaan telah bermula pada 1 hingga 18 Ogos di 16 lokasi berisiko. Operasi ini melibatkan sebanyak 9,100 pegawai daripada keseluruhan 13,000 anggota bomba yang bertugas selama 24 jam secara bergilir-gilir. "KPKT berharap Ops Raya kali ini akan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap bahaya kebakaran dan kemalangan jalan raya,"

Dalam program yang sama, YB Menteri bersama-sama dengan pengurusan tertinggi KPKT menyerahkan pekekat kenderaan berkaitan *anti litter*, risalah pengurangan sisa makanan serta bubur lambuk kepada pengguna-pengguna lebuhraya yang melalui Tol Sungai Besi. YB Menteri berpandangan bahawa sikap gemar membuang sampah-sampah kecil (*littering*) di kalangan rakyat Malaysia dilihat semakin serius. Rakyat Malaysia didapati cenderung membuang sampah-sampah kecil seperti kertas tisu,



pembungkus gula-gula, bekas minuman, plastik dan lain-lain dari dalam kenderaan tanpa memikirkan kesan yang tidak baik kepada alam sekitar. Hal ini bukan sahaja menyebabkan pertambahan kenderaan ke destinasi masing-masing semasa musim perayaan, bahkan menyebabkan pertambahan sampah di atas jalan raya.



38 PASUKAN SERTA KONVENSYEN PASUKAN BOMBA SUKARELA PERINGKAT NEGERI SABAH TAHUN 2013

Majlis Penutupan Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela Peringkat Negeri Sabah Tahun 2013 telah disempurnakan oleh YB Dato' Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM, YS TPJB Dato' Soiman Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PKPB Nordin Pauzi, Pengarah JBPM Negeri Sabah, serta pegawai-pegawai kanan Jabatan.

Program Konvensyen tahun ini telah berjaya mengumpulkan seramai 218 orang peserta daripada 38 pasukan dari seluruh Negeri Sabah untuk menyertai Konvensyen pada kali ini. Konvensyen tersebut diadakan selama empat (4) hari di Daerah Kota Belud bermula pada 19 Jun 2013 hingga 22 Jun 2013. Seramai 218 peserta yang terpilih ini adalah sebahagian daripada 1,236 orang anggota Pasukan Bomba Sukarela di seluruh Negeri Sabah.

KSU SERAH KUNCI RUMAH PROGRAM NBOS JBPM

Majlis Penyerahan Kunci Rumah Semperna Program *National Blue Ocean Strategy (NBOS) My Beautiful Neighbourhood* yang dilaksanakan oleh KPKT dengan kerjasama JBPM telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha, KPKT yang diadakan di Kampung Potong Pinang, Pokok Assam, Taiping, Perak pada 15 Mei 2013.

Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM, YAS Dato' Hj. Amer Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YB Dato' Abdul Puhat Mat Nayan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YS PKPBHj Yahaya Hj. Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak, serta pegawai-pegawai kanan JBPM.

Pemilik rumah iaitu En. Sulaiman Yahaya merupakan peserta program yang paling layak untuk menerima bantuan tersebut setelah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

ONE-STOP CENTRES TO PROVIDE POST-EMERGENCY ASSISTANCE FOR FIRE VICTIMS

The Malaysian Fire and Rescue Department (JBPM) will set up a one stop centre in each of its 265 stations nationwide to help fire victims in post-emergency matters. Urban well-being, Housing and Local Government Minister Dato' Abdul Rahman Dahlan said the one-stop centres would, among others, enable fire victims to reapply for important documents, provide reports on fire and liaise with the police. The one stop centre will simplify applications by the victims for the important documents. JBPM will coordinate the applications by proactively contacting the departments and agencies concerned, he said in a media conference after an official visit to the JBPM headquarters in Putrajaya yesterday. In line with the service under the "humanitarian concept" to approach society, he said the operation commander on the ground would spend one to two hours with the victims or family members to reduce the trauma they faced. Furthermore, Abdul Rahman added, the operation commander would act as a spokesman for JBPM to issue statements on the facts of the case, each time a rescue operation was carried out.

INILAH YANG KITA DAPAT

Sisa makanan yang tidak dihabiskan dan dibuang merata-rata menjadi sumber makanan kepada haiwan vektor seperti tikus

3665 KES
M 1201/23
1976 KES
(2010)

Peningkatan mendadak kes Leptospirosis.

85.5%

Penyakit berpunca dari air kencing tikus.

45% sisa pepejal yang dihasilkan di Malaysia ialah sisa makanan

PESANAN OLEH JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA
Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Tempatan



JIKA
BEGINI
CARA
KITA



MAKLUM BALAS

Sebarang maklum balas/aduan berkaitan KPKT dan Jabatan/Bahagian dibawahnya, sila layari

<http://ehome.kpkt.gov.my/aduan-online> atau SMS ke 15888 atau emel ke pro@kpkt.gov.my